INDAH WATER CONSORTIUM SDN BHD

lwn.

DYNAWELL CORPORATION (M) SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN MUHAMAD H
[GUAMAN NO: S2-22-1296-2005]
7 DISEMBER 2007

PROSEDUR SIVIL: *Prosiding - Cara memulai - Tuntutan dibatal kerana gagal mematuhi pengurusan kes - Penerusan kes - Sama ada harus memfail semula - Sama ada perlu memohon menghidupkan kes - Sama ada plaintif mempunyai pilihan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A. 18 k. 19*

Plaintif, sebuah syarikat utiliti, telah memfail guaman terhadap defendan menuntut RM606,708.80, iaitu jumlah caj perkhidmatan pembentungan yang dikatakan gagal dibayar oleh defendan ('kes 1822-2003'). Kes 1822-2003 bagaimanapun telah dibatal oleh mahkamah ekoran kegagalan peguam plaintif menghadiri dan mematuhi arahan pengurusan kes. Berikutnya, bagi meneruskan tuntutannya, plaintif memfail satu guaman baru terhadap defendan ('kes 1296-2005'). Defendan berhujah bahawa plaintif sepatutnya memohon menghidupkan semula kes 1822-2003 yang dibatalkan, dan tidak memfail 'afresh', dan dengan itu memohon supaya Penolong Kanan Pendaftar ('PKP') membatalkan kes 1296-2005 di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Permohonan dibenarkan dan kes 1296-2005 telah dibatalkan oleh PKP. Plaintif merayu dan persoalan yang berbangkit adalah: (i) sama ada tindakan plaintif memfail semula merupakan satu salah guna proses mahkamah; dan (ii) sama ada pengurusan kes merupakan satu 'pre-emptory order' sekaligus menjustifikasikan keputusan PKP.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Plaintif mempunyai pilihan untuk memfail semula seperti yang dilakukan melalui kes 1296-2005 di sini ataupun membuat permohonan untuk menghidupkan semula kes 1822-2003 yang dibatalkan. Dengan kata lain pemfailan semula bukanlah suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Oleh itu tidak wajar untuk PKP membatalkan kes 1296-2005 plaintif di bawah A. 18 k. 19 KMT. (perenggan 11)

A **(2)** Mahkamah tidak dapat menerima saranan defendan bahawa pengurusan kes adalah satu pre-emptory order. Pengurusan kes adalah suatu proses untuk kes diuruskan sebelum bicara. Sedangkan pre-emptory order adalah satu perintah khusus untuk diikuti dan kegagalannya membawa kepada suatu sanksi.
B (perenggan 12)

[Rayuan dibenarkan. Defendan diberi peluang memfailkan pembelaan.]

Kes-kes yang dirujuk:
C *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corp Bhd [1993] 3 MLJ 36* ***(dirujuk)***
Lim On & Ors v. Allen Gledhill [2001] 3 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***
Pembinaan dan Pemaju Mahajiwa (Selangor) Sdn Bhd v. ASM Development Sdn Bhd [2003] 4 CLJ 213 FC ***(diikuti)***

D **Perundangan yang dirujuk:**
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19

Bagi pihak plaintif - Dato' Mahinder Singh Dulku; T/n Nedu & Partners
Bagi pihak defendan - CH Tan; T/n Foo & Tan

E *Dilaporkan oleh WA Sharif*

PENGHAKIMAN

F **Wan Adnan Muhamad H:**

[1] Pada 15 Ogos 2006 saya telah membenarkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran 14) terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) yang memberi suatu perintah untuk pembatalan tindakan plaintif di bawah peruntukan A. 18
G k. 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT).

[2] Latarbelakang kes ialah seperti berikut: Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. iaitu plaintif adalah sebuah syarikat yang memberi perkhidmatan antaranya mengenai pembentungan. Plaintif
H telah diberi kuasa untuk menjalankan perkhidmatan pembentungan di bawah bidangkuasa Majlis Bandaraya dan Tempatan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Labuan. Sehubungan dengan itu plaintif telah diberi kuasa untuk mengenakan caj perkhidmatan pembentungan. [(Sila lihat Akta Perkhidmatan Pembentungan 1993
I Akta 508; Perintah Perkhidmatan Pembentungan (Pemberikuasaan Kutipan Caj) 1994 dan Peraturan-peraturan Caj Perkhidmatan Pembentungan 1994 (bagi kawasan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan)].

[3] Manakala Dynawell Corporation (M) Sdn. Bhd. iaitu defendan ialah pemilik berdaftar premis Hotel Dynasty dialamat No. 218, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur, yang juga alamat berdaftar defendan.

[4] Tuntutan plaintif sejumlah RM606,708.80 terhadap defendan ialah untuk caj perkhidmatan pembentungan berterusan yang tertunggak setakat 30 Jun 2003 bersabit premis Hotel Dynasty.

[5] Dalam kes bicara ini iaitu S2-22-1296-2005 PKP telah membenarkan permohonan pihak defendan untuk membatalkan tindakan plaintif dibawah A. 18 k. 19 KMT kerana dikatakan plaintif menyalahgunakan proses mahkamah apabila menfailkan kes bicara ini yang sepatutnya memfailkan permohonan untuk menghidupkan semula kes S7-22-1822-2003 yang telah dibatalkan pada 9 November 2005 kerana kegagalan peguam plaintif menghadiri dan mematuhi arahan pengurusan kes. Mengikut pihak plaintif peguamnya tidak hadir kerana kesilapan tarikh diari mengenai pengurusan kes.

[6] Adalah tidak dinafikan bahawa pihak plaintif memfailkan semula tindakan (file afresh) kes bicara dan bukan membuat permohonan untuk menghidupkan semula kes S7-22-1822-2003 di Mahkamah Sivil 7 yang telah dibatalkan.

[7] Persoalannya bolehkah pihak plaintif memfail semula kes S2-22-1296-2005 sedangkan pihak plaintif boleh menghidupkan kes yang dibatalkan di Mahkamah S7.

[8] Dalam hujah lisannya peguam plaintif Dato' Mahinder Singh Dulku menyatakan plaintif mempunyai pilihan untuk memfailkan semula atau menghidupkan semula kes yang telah dibatalkan. Beliau bersandarkan kes *Pembinaan dan Pemaju Mahajiwa (Selangor) Sdn. Bhd. v. ASM Development Sdn. Bhd.* [2003] 4 CLJ 213 FC. Tegas beliau pihak plaintif tidak boleh memfailkan semula jika terdapat pre-emptory order seperti terjadi dalam kes *Lim On & Ors v. Allen Gledhill* [2001] 3 CLJ 233 FC.

[9] Manakala peguam defendan Encik C.H. Tan berhujah pengurusan kes adalah pre-emptory order.

[10] Setelah dipertimbangkan hujah dan nas-nas yang dikemukakan saya cenderung untuk memihak kepada hujah peguam plaintif.

[11] Jika diteliti keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Pembinaan dan Pemaju Mahajiwa (Selangor) Sdn. Bhd. [supra]* jelas bahawa plaintif mempunyai pilihan untuk memfailkan semula seperti yang dilakukan dalam kes bicara atau membuat permohonan untuk menghidupkan semula kes S7-22-1822-2003 yang telah dibatalkan. Dengan memfailkan semula bukan suatu penyalahan proses mahkamah oleh itu tidak wajar bagi PKP membatalkan (S2-22-1296-2005) tindakan plaintif ini dibawah A 18 k. 19 KMT.

[12] Saya tidak dapat menerima saranan peguam defendan bahawa pengurusan kes adalah suatu pre-emptory order. Pengurusan kes adalah suatu proses untuk kes diuruskan sebelum bicara. Sedangkan pre-emptory order adalah suatu perintah khusus untuk di ikuti dan kegagalannya membawa suatu sanksi (sanction).

[13] Seperkara lagi mahkamah tidak sewenang-wenang membatalkan tindakan dibawah A. 18 k. 19 KMT dalam keadaan seperti ini. Mahkamah akan membatalkan tindakan apabila berpuas hati tindakan plaintif adalah ternyata tidak lestari (obviously unsustainable). Ini adalah nas nyata (*Bandar Builder Sdn. Bhd. & Ors v. United Malayan Banking Corp. Bhd.* [1993] 3 MLJ 36). Justeru itu saya membenarkan rayuan plaintif di L14 dengan kos dan memberi peluang pihak defendan memfailkan pembelaan.